



KUPASAN MUTU JAWAPAN

EKONOMI ASAS

3757/2

SPM

2 0 1 3



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

BENTUK KERTAS SOALAN – 3757/2

Kertas Ekonomi Asas 3757/2 mengandungi dua bahagian:

- Bahagian A - Calon dikehendaki memilih 3 soalan daripada 5 soalan dalam bahagian ini. Calon dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam bahagian ini.
- Bahagian B - Mengandungi soalan 6 dan wajib dijawab. Calon dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab soalan dalam bahagian ini.

Calon berpeluang menjawab dalam masa 120 minit (2 jam) untuk kedua-dua bahagian tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Calon mempamerkan prestasi yang sederhana. Terdapat calon yang dapat mengemukakan fakta dan huraian dengan mantap. Namun begitu terdapat calon yang masih gagal menguasai konsep ekonomi dengan tepat.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Kumpulan Tinggi**

Calon mengemukakan fakta dan huraian yang tepat dan mencukupi. Respon yang dikemukakan menunjukkan tahap kemahiran berfikir yang matang. Majoriti calon berkebolehan mengaplikasi situasi dalam soalan berdasarkan teori ekonomi. Penggunaan ayat ringkas dan menepati laras bahasa ekonomi.

Kumpulan Sederhana

Kemampuan calon mengemukakan fakta dan huraian masih tepat tetapi tidak mencukupi. Kemahiran berfikir calon adalah terhad. Calon kurang berkebolehan mengaplikasi situasi dalam soalan berdasarkan teori ekonomi. Penguasaan bahasa dan istilah ekonomi kurang mantap.

Kumpulan Rendah

Respon calon menunjukkan penguasaan fakta dan huraian yang tidak tepat dan tidak mencukupi. Calon juga tidak menguasai kemahiran berfikir. Kebolehan mengaplikasi situasi dalam soalan berdasarkan teori ekonomi kurang memuaskan. Majoriti calon mempunyai penguasaan bahasa yang lemah.

PRESTASI TERPERINCI MENGIKUT SOALAN

SOALAN 1(a)

- 1 (a) Situasi di bawah berkaitan dengan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Abu.

Sempena hari keusahawanan sekolah, Abu yang memiliki kupon bernilai RM5, ingin menonton tayangan gambar berharga RM3. Dia juga ingin menyaksikan pertunjukan silap mata berharga RM4.

Bagaimanakah Abu menyelesaikan masalah tersebut?

Soalan memerlukan calon mengaplikasikan masalah ekonomi bagi isi rumah. Calon perlu menjelaskan masalah ekonomi berdasarkan situasi dan boleh menyelesaikan masalah.

a) - Kekurangan	
• Abu mengalami kekurangan ^{sumber} pendapatan iaitu Abu hanya memiliki kupon bernilai RM5.	
- Pilihan	
• Abu hendaklah memilih sama ada ingin menonton tayangan gambar berharga RM3 atau menyaksikan pertunjukan silap mata berharga RM4 bagi memaksimumkan kepuasan.	
• Abu telah memilih menonton tayangan gambar berharga RM3.	
- Kos lepas	
Perkhidmatan.	
• Barang kedua terbaik setepa yang terpaksa dilepaskan untuk memilih perkhidmatan perkhidmatan yang terbaik adalah menyaksikan pertunjukan silap mata berharga RM4.	

Jawapan calon adalah lengkap, tepat dan mencukupi. Ini menunjukkan calon berjaya menguasai konsep masalah ekonomi iaitu kekurangan, pilihan dan kos lepas serta mengaitkan dengan situasi. Contoh kekurangan sumber pendapatan iaitu kupon bernilai RM5.

- a)
- Kekurangan**
= Abu ~~Kekurangan~~ menghadapi kekurangan kupon
 - Pilihan**
= Abu terpaksa membuat pilihan sama ada ingin menentu tayangan gambar ataupun menyaksikan pertunjukkan silap mata
 - Kah lepas**
= Abu terpaksa melepaskan sesuatu barang sama ada tayangan gambar atau pertunjukkan silap mata. Barang yang Abu lepaskan adalah kah lepas.

Jawapan di atas tidak lengkap. Konsep ekonomi dan keterangan yang dikemukakan tidak dikaitkan dengan situasi. Contohnya, calon menyatakan 'kekurangan' tanpa nilai kupon RM5.

- (a)
- Apa yang hendak dikeluarkan
 - Bagaimanakah hendak dikeluarkan.
 - Untuk siapa yang dikeluarkan
 - Berapa hendak dikeluarkan
 - Pilihan

Terdapat juga kelemahan calon apabila mengemukakan **masalah asas ekonomi** dan bukannya **masalah ekonomi** sebagai respon.

Soalan 1 (b) (i) dan 1 (b) (ii)

(b) Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri sistem ekonomi Negara P.

- Individu dan firma bebas memiliki sumber ekonomi
- Kerajaan mengeluarkan barang awam
- Terdapat persaingan yang sihat

(i) Tentukan sistem ekonomi Negara P.

(ii) Jelaskan peranan kerajaan dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi bagi negara tersebut.

Soalan 1 (b)(i) memerlukan calon menentukan jenis sistem ekonomi. Soalan 1(b)(ii) pula, calon harus memberi huraian tentang peranan kerajaan sahaja untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi dalam sistem ekonomi campuran.

b) (i) Sistem ekonomi Negara P ialah sistem ekonomi campuran.
(ii) Dari segi masalah asas apa barang yang hendak dikeluarkan, masalah ini boleh diselesaikan berdasarkan permintaan masyarakat dan dikawal oleh kerajaan. Barang awam akan ditentukan oleh kerajaan. Dari segi masalah asas berapa barang yang hendak dikeluarkan, masalah ini akan diselesaikan melalui mekanisme harga dan dikawal oleh kerajaan. Barang awam pula ditentukan oleh kerajaan. Dari segi masalah asas bagaimana barang hendak dikeluarkan, teknik pengeluaran yang dapat memaksimumkan keuntungannya dan meminimumkan kos akan dipilih dan dikawal oleh kerajaan. Bagi barang awam pula, kerajaan akan menggunakan teknik pengeluaran yang dapat memaksimumkan kebajikan masyarakat. Dari segi masalah asas untuk siapa barang hendak dikeluarkan, barang swasta akan diagihkan berdasarkan corak agihan pendapatan. Bagi barang awam, kerajaan akan mengagihkan kepada semua rakyat.

Calon dapat memberi huraian dengan tepat dan keterangannya mencukupi. Jenis sistem ekonomi berdasarkan maklumat dalam stimulus dapat dikenal pasti. Calon juga berupaya menjelaskan **peranan kerajaan** dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi seperti tugas soalan.

i) Sistem ekonomi Islam

ii) Terdapat empat jenis masalah asas ekonomi iaitu apa, berapa, bagaimana dan untuk siapa dikeluarkan - kerajaan menyelesaikan masalah untuk siapa dikeluarkan dengan mengagihkan barang awam untuk semua rakyat) tidak kira golongan miskin atau kaya. Masalah apa yang dikeluarkan diselesaikan dengan mengeluarkan barang awam yang halal berdasarkan kebajikan masyarakat. Masalah berapa hendak dikeluarkan berdasarkan permintaan masyarakat. Untuk menjaga kebajikan masyarakat dengan mengikut prinsip-prinsip Islam. Bagaimana yang hendak dikeluarkan bergantung pada teknik yang digunakan yang boleh atau dituai oleh masyarakat.

Sistem ekonomi negara P gagal dikenal pasti. Jawapan yang dikemukakan menjelaskan peranan swasta selain daripada peranan kerajaan dalam sistem ekonomi tersebut.

ii) Peranan kerajaan dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi bagi negara tersebut ialah ~~mem~~ meningkatkan taraf hidup rakyat, meningkatkan pelaburan asing ke negerinya, menambahkan sumber ekonomi dan

Jawapan calon berfokus kepada peranan kerajaan secara umum sahaja tanpa mengaitkan dengan masalah asas ekonomi.

(i) (1) Apa yang hendak dikeluarkan?
(2) Berapa hendak dikeluarkan?
(3) Bagaimana hendak dikeluarkan?
(4) Untuk siapa dikeluarkan?

Fakta tidak relevan dengan kehendak soalan iaitu menyenaraikan masalah asas ekonomi tanpa mengaitkan dengan peranan kerajaan dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Soalan 1 (c)(i), (c) (ii) dan (c) (iii)

- (c) Maklumat di bawah menunjukkan pendapatan, perbelanjaan dan potongan wajib Encik Hussien pada tahun 2012.

Gaji setahun	RM42 000
Pendapatan boleh cukai	RM27 380
Caruman KWSP	11 %
Zakat	RM600
Ansuran kereta	RM3 840
Yuran kelab	RM1 440

Berikut adalah kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan.

Pendapatan Boleh Cukai	Kadar Cukai (%)	RM
RM2 500 pertama	0	–
RM2 500 berikut	1	25
RM5 000 pertama	–	25
RM5 000 berikut	3	150
RM10 000 pertama	–	175
RM10 000 berikut	5	500
RM20 000 pertama	–	675
RM20 000 berikut	9	

Hitung perkara berikut bagi Encik Hussien pada tahun tersebut:

- jumlah pelepasan cukai pendapatan
- cukai yang perlu dibayar
- pendapatan boleh guna

Soalan 1 (c)(i), (c) (ii) dan (c) (iii) memerlukan calon mengira dengan format yang betul serta menunjukkan jalan kerja yang tepat.

1. (c)	Pendapatan boleh guna = Pendapatan tahunan - potongan wajib
	(i) Pendapatan boleh cukai = Pendapatan - Pelepasan cukai
	RM 27380 = RM 42 000 - Pelepasan cukai
	Jumlah pelepasan cukai = RM 42 000 - RM 27 380
	= RM 14 620

(ii) Cukai yang Perlu dibayar oleh Encik Hussein:

$$(RM\ 2500 \times 0\%) = RM\ 0$$

$$(RM\ 2500 \times 1\%) = RM\ 25$$

$$(RM\ 5000 \times 3\%) = RM\ 150$$

$$(RM\ 10000 \times 5\%) = RM\ 500$$

$$(RM\ 7380 \times 9\%) = RM\ 664.20$$

$$RM\ 1339.20$$

$$\text{Tolak: Zakat} \quad - RM\ 600$$

$$RM\ 739.20 \Rightarrow \text{Cukai yang Perlu dibayar}$$

(iii) Pendapatan boleh guna = Jumlah Pendapatan - Potongan ^{wajib} ~~wajib~~

$$= RM\ 42000 - (RM\ 739.20 + RM\ 600 + RM\ 4620)$$

$$= RM\ 42000 - RM\ 5959.20$$

$$= RM\ 36040.80$$

Jawapan ini menggunakan format pengiraan yang betul. Calon dapat menggunakan rumus, mengemukakan langkah pengiraan dan mendapat jawapan yang tepat.

$$(c) i. (RM 42\ 000 - RM 27\ 380) = RM 14\ 620$$

ii. RM 2500 pertama	0%	0	27380 - 2500
			24880
RM 2500 berikut	1%	25	- 2500
			22380
RM 5000 berikut	3%	150	- 5000
			17380
RM 10 000 berikut	5%	500	- 10000
			7380
RM 20 000 berikut	9%	664.20	

$$\text{Cukai yang perlu dibayar} = RM 1339.20$$

iii. Pendapatan boleh guna

$$RM 42000 - (RM 1339.20 + RM 4620 + RM 600)$$

$$= RM 35440.80$$

Format pengiraan yang betul gagal dikemukakan. Terdapat jawapan yang tepat tetapi tiada jalan kerja atau jalan kerja yang digunakan tidak tepat.

Soalan 1 (d)

(d) Terangkan **tiga** tujuan pengeluar membuat pinjaman.

Soalan memerlukan calon mengemukakan tiga fakta serta huraian berkaitan tujuan pengeluar membuat pinjaman.

- (d) 1. Memulakan perniagaan
- Pengeluar mendapat pinjaman untuk memulakan perniagaan seperti membuka kilang dan kedai buku.
2. Menambahkan modal
- Pengeluar membuat pinjaman untuk membeli jentera dan mesin untuk meningkatkan daya pengeluaran.
3. Meningkatkan produktiviti
- Apabila pengeluar menggunakan ^{mesin} teknologi moden, kualiti barang boleh ditingkatkan, ~~daya pengeluaran~~ ^{produktiviti} meningkat dan ~~keluaran lebih~~.
4. Mengurangkan pembayaran cukai syarikat
- Pengeluar membuat pinjaman untuk mengurangkan hasil syarikat supaya pembayaran cukai dapat dikurangkan.

Fakta serta huraian tepat, mencukupi dapat ditunjukkan dengan jelas. Ini menunjukkan calon menguasai konsep pinjaman bagi pengeluar.

(d) Memulakan perniagaan
- Pengeluar membuat pinjaman daripada bank untuk memulakan perniagaan sendiri
Menambalkan modal
- Pengeluar membuat pinjaman untuk menambalkan modal perniagaan.
Membeli aset tetap
- Pengeluar membuat pinjaman untuk untuk membeli aset tetap seperti tanah.


Hanya fakta berjaya dikemukakan dengan tepat. Huraian yang diberikan tidak tepat dan sekadar mengulang fakta sahaja. Contohnya bagi fakta **memulakan perniagaan** calon memberi huraian **memulakan perniagaan sendiri**.

d) tiga tujuan pengeluar membuat pinjaman ialah
- membeli barang tahan lama pengeluar membuat pinjaman untuk membeli barang tahan lama seperti emas.
- biayai perawafan pengeluar juga membuat pinjaman untuk menggunakan deposit tersebut untuk rawatan
- membiayai pembelajaran pengeluar juga berkemungkinan menggunakan wang tersebut untuk membiayai pembelajaran.

Jawapan calon adalah berkaitan dengan pinjaman bagi pengguna dan bukan pengeluar. Contohnya fakta **membeli barang tahan lama** adalah tujuan pinjaman bagi pengguna.

Nombor Soalan: 2 (a)

- Harga meningkat, kuantiti diminta menurun
- Harga menurun, kuantiti diminta meningkat
- Hubungan harga dengan kuantiti diminta ialah negatif)



- bergerak ke bawah dari kiri ke kanan ~~kanan ke kiri~~ dari ke kanan


Gambarajah keluk permintaan yang dilakar tidak lengkap tanpa titik origin.

- Apabila harga barang X meningkat, maka kuantiti permintaan barang Z meningkat.
- Apabila harga sesuatu barang menurun, maka permintaan terhadap barang tersebut meningkat
- ~~Peranan~~ Keluk permintaan adalah arjal pada barang kehendak dan tidak arjal pada barang mesti.
- Apabila harga sesuatu barang meningkat, maka permintaan b terhadap barang tersebut menurun.

Calon hanya menyatakan hukum permintaan secara umum dan mengulangi huraian yang sama.

Soalan 2 (b) (i) dan (ii)

- (b) Rajah 1 menunjukkan hubungan antara harga Barang X dengan kuantiti permintaan Barang Z.



Rajah 1

- (i) Apakah kaitan antara Barang X dengan Barang Z?
- (ii) Jelaskan hubungan antara harga Barang X dengan kuantiti permintaan Barang Z.

Soalan (b)(i)

Bagi soalan 2(b)(i), calon perlu mengenal pasti hubungan antara Barang X dengan Barang Z. Soalan 2(b)(ii) pula memerlukan calon memperincikan kesan perubahan harga Barang X terhadap permintaan Barang Z.

ii) Hubungan antara harga barang X dengan kuantiti permintaan barang Z adalah positif. Contohnya barang pengganti adalah mentega dan margarin. Barang pengganti fungsi sama, tetapi barang berbeza. Apabila harga barang X meningkat, kuantiti permintaan Z bertambah juga. Hubungan antara harga barang X dengan kuantiti permintaan Z adalah songsang.

Bagi soalan 2(b)(i), calon dapat mengenal pasti perkaitan antara barang X dan barang Z dengan tepat berdasarkan rajah dalam soalan. Manakala bagi soalan 2(b)(ii), calon mampu menjelaskan hubungan antara perubahan harga barang X dengan kuantiti permintaan barang Z secara tepat. Calon juga dapat mengemukakan contoh barang dan mengaitkan fungsi penggunaan kedua-dua barang tersebut.

ii. Hubungan antara harga Barang X dengan kuantiti permintaan Barang Z ialah positif dan mencenun ke atas dan kiri ke kanan. Apabila harga ^{barang X} meningkat dari P_0 ke P_1 , kuantiti permintaan Barang Z meningkat dari Q_0 ke Q_1 .

Calon hanya dapat menyatakan hubungan antara harga barang X dengan kuantiti permintaan barang Z berdasarkan rajah dalam soalan sahaja. Calon tidak mengemukakan contoh dan fungsi barang pengganti.

Soalan 2(c)(i), 2(c)(ii)(a) dan 2(c)(ii)(b)

- (c) Jadual 1 menunjukkan hubungan antara keluaran dengan kos tetap, kos berubah dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos Tetap (RM)	Kos Berubah (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	200	0	200
1	200	200	400
2	200	350	550
3	200	430	630
4	200	610	Y
5	200	960	1 160
6	200	1 510	1 710
7	200	2 310	2 510

Jadual 1

- (i) Berapakah nilai Y?
- (ii) Jelaskan hubungan antara keluaran dengan kos tetap, kos berubah dan jumlah kos:
- (a) pada keluaran sifar
- (b) dari keluaran 1 unit hingga 7 unit

Soalan 2(c)(i) meminta calon memberi nilai jumlah kos. Soalan 2(c)(ii)(a) dan 2(c)(ii)(b) pula memerlukan calon membuat analisis perkaitan antara perubahan jumlah keluaran dengan tiga jenis kos.

$$\begin{array}{l} \text{(i) (i) Nilai Y} = \text{Kos Tetap} + \text{Kos berubah} \\ = 200 + 610 \\ = \text{RM} 810 \end{array}$$

Jawapan bagi soalan ini menunjukkan calon dapat memberi nilai yang tepat. Ini disebabkan soalan yang diberikan adalah bertaraf rendah dan dapat dijawab oleh calon.

ii) a) Keluaran sifar
Kos Tetap sama dengan jumlah kos, iaitu RM 200
Tiada kos berubah.
Jumlah kos sama dengan kos tetap, iaitu RM 200

Analisis perkaitan bagi soalan 2(c)(ii)(a) antara perubahan jumlah keluaran dengan tiga jenis kos pada keluaran sifar dapat dijelaskan dengan tepat.

ii - [a] Walaupun keluaran sifar, kos tetap masih perlu dibayar. Jumlah kos ialah hasil tambah kos tetap dan kos berubah. Kos tetap dalam jangka pendek sahaja.

Jawapan soalan 2(c)(ii)(a) yang diberi hanya menjelaskan kos tetap sahaja dan cara mengira jumlah kos tanpa menganalisis hubungan antara keluaran dengan kos tetap, kos berubah dan jumlah kos pada keluaran sifar.

b) Keluaran 1 unit hingga 7 unit
Kos tetap adalah sama dari 1 unit hingga 7 unit.
Kos berubah bertambah dan mencapai maksimum pada keluaran ke-7.
Jumlah kos bertambah dan mencapai maksimum pada keluaran ke-7


Bagi soalan 2(c)(ii)(b), hubungan antara keluaran dengan tiga jenis kos dibuat dengan tepat. Ini menunjukkan konsep hubungan jenis kos ini berjaya dikuasai dengan baik.

- 1) Pada keluaran 1 unit, kos tetap ialah RM200. Maka, kos berubah ialah RM200 dan jumlah kos ialah RM400
- 2) Pada keluaran 4 unit, kos tetap ialah RM200. Maka, kos berubah ialah RM610 dan jumlah kos iaitu RM810.
- 3) Pada keluaran 7 unit, kos tetap ialah RM200. Maka, kos berubah ialah RM2310 dan jumlah kos ialah RM2510.

Bagi jawapan di atas, calon hanya menyalin semula angka daripada jadual dalam bentuk ayat tanpa menjawab soalan. Contoh pada keluaran 1 unit, kos tetap ialah RM200.

Soalan 2(d)(i) dan 2(d)(ii)

(d) Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran Firma Y (S_Y).



Rajah 2

(i) Hitung nilai keanjalan harga penawaran bagi barang yang dikeluarkan oleh Firma Y.

Gunakan rumus:

$$E_s = \frac{\text{Peratus Perubahan Kuantiti Ditawar}}{\text{Peratus Perubahan Harga}}$$

(ii) Adakah anda bersetuju Firma Y menawarkan barang pertanian?

Beri **tiga** alasan.

Soalan 2(d)(i) memerlukan calon mengira nilai keanjalan penawaran dengan menunjukkan jalan kerja yang betul. Bagi soalan 2(d)(ii), berdasarkan nilai pekali keanjalan penawaran yang diperolehi daripada soalan 2(d)(i) calon dikehendaki menentusahkan sama ada barang yang dikeluarkan oleh firma Y adalah barang pertanian dengan mengemukakan alasan.

$$\begin{aligned}
 d) (i) \quad Q_0 &= 50 & Q_1 &= 32 & P_0 &= 30 & P_1 &= 20 \\
 E_s &= \frac{\frac{Q_1 - Q_0}{Q_0}}{\frac{P_1 - P_0}{P_0}} \\
 &= \frac{\frac{32 - 50}{50}}{\frac{20 - 30}{30}} \\
 &= 1,08
 \end{aligned}$$

Jawapan yang diberi menggambarkan calon menguasai kemahiran mengira dengan tepat.

$$\begin{aligned}
 d) i - \text{Peratus perubahan kuantiti ditawarkan} \\
 &= \frac{50 \text{ unit} - 30 \text{ unit}}{30 \text{ unit}} \times 100 \\
 &= 66.67\% \\
 \text{Peratus perubahan harga} \\
 &= \frac{RM30 - RM20}{RM20} \times 100 \\
 &= 50.00\% \\
 \text{Nilai keanjalan harga penawaran} \\
 &= \frac{\text{Peratus perubahan kuantiti ditawarkan}}{\text{Peratus perubahan harga}} \\
 &= \frac{66.67\%}{50.00\%} \\
 &= 1.33
 \end{aligned}$$

Kesilapan menentukan harga asal dan harga baru. Sebagai contoh, calon telah menggunakan RM20 sebagai harga asal sedangkan RM30 adalah harga asal.

ii) Saya tidak bersetuju bahawa Firma Y menawarkan barang pertanian.

Firma Y menawarkan barang perkilangan. Ini disebabkan nilai keanjalan harga penawaran bagi barang yang dikeluarkan oleh Firma Y ialah 1.08. Ini menunjukkan harga penawaran barang Firma Y ialah anjal. Maka peratus perubahan kuantiti dituntut lebih besar daripada peratus perubahan harga, $E_s > 1$ dan keluk penawaran Firma Y berbentuk landai.

Calon berjaya mengaitkan sebab barang tersebut bukan barang pertanian dengan mentafsir nilai pekali keanjalan penawaran tersebut adalah merupakan barang perkilangan.

ii) Bersebrju,
 Apabila harga berubah 1%, kuantiti ditawar berubah 1.08.
 Harga barang itu anjal.
 Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga.

Alasan yang diberikan pada rajah di atas adalah tidak tepat dan tidak relevan. Contohnya, barang pertanian tersebut adalah anjal berdasarkan jawapan pada 2(d)(i).

- 3 (a) Guna kertas graf yang disediakan untuk menjawab Soalan 3(a).

Jadual 2 menunjukkan kuantiti diminta oleh dua individu terhadap suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	
	Ishamuddin	Muhammad
20	7	8
40	4	6
60	2	4

Jadual 2


- (i) Lukis pembentukan keluk permintaan pasaran di atas kertas graf yang disediakan.

[Gunakan skala 1 cm = RM10 pada paksi harga dan 1 cm = 2 unit pada paksi kuantiti.]

- (ii) Jelaskan pembentukan keluk permintaan pasaran di 3(a)(i).


Soalan 3(a)(i) dan 3(a)(ii)

Soalan 3(a)(i) meminta calon melukis keluk permintaan pasaran dengan menggunakan skala yang diberi pada kertas graf. Soalan 3(a)(ii) pula, calon perlu menjelaskan cara keluk permintaan pasaran pada 3(a)(i) dibentuk.




Pembentukan keluk permintaan pasaran dilukis secara mendatar dengan tepat. Ketiga-tiga keluk mempunyai skala, titik origin dan label yang lengkap.

2.1




Jawapan calon tidak menepati kehendak soalan kerana hanya melukis satu atau dua keluk sahaja iaitu keluk permintaan bagi dua individu sahaja.


Keluk Permintaan Pasaran
(Ishamuddin dan Muhammad).




Calon hanya melukis satu keluk sahaja iaitu keluk permintaan pasaran. Maka jawapan ini adalah tidak lengkap.



Keluk yang dilukis tidak mengikut skala yang diberi dalam soalan, tidak mempunyai origin dan tidak melabel keluk permintaan (DD).



Kaedah melukis pembentukan keluc permintaan pasaran tidak tepat iaitu tidak dilukis secara mendatar.



Calon hanya menandakan koordinat keluk permintaan pasaran tetapi tidak disambungkan untuk membentuk keluk tersebut.

- (a) (ii)
- Pada harga RM 20, permintaan pasaran ialah 15 unit yang terdiri daripada 7 unit yang diminta oleh Ishamuddin dan 8 unit yang diminta oleh Muhammad. Ini diwakili oleh titik C.
 - Pada harga RM 40, permintaan pasaran ialah 10 unit yang terdiri daripada 4 unit yang diminta oleh Ishamuddin dan 6 unit yang diminta oleh Muhammad. Ini diwakili oleh titik B.
 - Apabila harga ~~naik~~ ^{naik} ke RM 60, permintaan pasaran ialah 6 unit yang terdiri daripada 2 unit yang diminta oleh Ishamuddin dan 4 unit yang diminta oleh Muhammad. Ini diwakili oleh titik A.
- Sambungkan titik-titik A, B dan C maka bentuklah keluk permintaan ^{pasaran} D_p D_p yang mencerun ke bawah dan dari kiri ke kanan.


Jawapan ini lengkap meliputi koordinat, pembentukan keluk permintaan pasaran dan ciri keluk tersebut. Contohnya ciri keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.

(b) Situasi di bawah berkaitan dengan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.


- Encik Joshua bekerja sebagai pengurus pemasaran dan menerima gaji sebanyak RM6 000 daripada Firma Anggun.
- Firma Anggun mengeluarkan perabot jati dan Encik Joshua membeli satu set perabot berharga RM4 000 daripada Firma Anggun.

Lakarkan rajah aliran tersebut.

Bahagian (b) ini menguji kemahiran melakar rajah aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor berdasarkan situasi yang diberi dalam soalan.



Calon dapat melakar rajah aliran pusingan pendapatan dengan tepat. Setiap aliran mempunyai arah dan label yang betul berdasarkan situasi. Ini merupakan contoh jawapan yang baik.



Rajah aliran pusingan yang dilukis adalah secara umum kerana tidak berdasarkan situasi yang diberi. Tiada petunjuk yang membezakan aliran wang dan aliran fizikal.

Soalan 3(c)(i) dan 3(c)(ii)

(c) Gambar 1 menunjukkan perbualan dalam satu urusan niaga barang.



Gambar 1

- (i) Apakah masalah yang dihadapi dalam urusan niaga tersebut?
- (ii) Bagaimanakah fungsi wang dapat menyelesaikan masalah di 3(c)(i)?

Bagi soalan 3(c)(i), calon diminta mengenal pasti kelemahan sistem barter berdasarkan perbualan. Manakala soalan 3(c)(ii) memerlukan calon menerangkan cara wang berfungsi bagi mengatasi kelemahan tersebut.

(c)(i) Masalah yang dihadapi ialah masalah barang tidak boleh dibahagikan kepada unit-unit yang kecil.

(ii) unit ukur nilai

Ah Chong boleh membeli sayur tersebut dalam sebutan RM dengan menggunakan sistem wang.

Calon dapat mengenal pasti dengan tepat masalah sistem barter berdasarkan perbualan yang diberi. Seterusnya berupaya menyatakan fungsi wang yang dapat menyelesaikan masalah tersebut. Contohnya, wang berfungsi sebagai unit ukuran nilai.

(c)

i) Ah Chong tidak mahu seekor ayam yang ingin ditukar dari rakannya dia hanya ingin paha ayam. Ini akan menimbulkan masalah kerana sistem barter tidak dapat diukur dengan nilai wang.

(ii) - sebagai alat bayaran ~~tertunda~~ tertunda

- sebagai alat penukaran barang yang kehendakan

Jawapan tidak menepati situasi yang digambarkan. Selain itu, fungsi wang yang dinyatakan tidak relevan dengan perbualan. Contohnya, wang dinyatakan sebagai alat bayaran tertunda.

Soalan 3(d)

(d) Huraikan **dua** kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

Soalan ini berdasarkan fakta apabila menguji kemahiran calon dengan mengemukakan dua fakta dan empat huraian berkaitan kemudahan pembayaran di bank perdagangan.

d)	Perintah sedia ada
	- Merupakan arahan daripada pemegang akaun tabungan atau akaun pemasa kepada bank perdagangan untuk ^{membuat bayaran} menjelaskan bil yang amat ^{amatnya} tetap secara berutang pada tarikh yang telah ditentukan.
	- Digunakan untuk menjelaskan bil atau hutang seperti, bayaran bulanan sewa beli, dan premium insurans.
	Pindahan kredit. Debit langsung
	- Merupakan arahan pemegang akaun tabungan atau akaun semasa kepada bank perdagangan untuk menjelaskan bil apa-apa amannya apabila tarikh untuk membayar sudah sampai.
	- Contohnya, untuk membayar bil elektrik dan bil air.

Jawapan ini menunjukkan dua fakta yang tepat dengan huraian yang betul serta mencukupi. Contoh fakta yang dibincangkan ialah **perintah sedia ada** dan **debit langsung**. Calon mampu menghurai setiap fakta tersebut dengan baik, lebih daripada yang dikehendaki.

3(d) Arahan kepada bank
- perintah sedia ada
- debit langsung
- pindahan kredit
- draf bank
- kad ATM
- kad kredit
- pembayaran melalui cek.

Hanya fakta sahaja yang disenaraikan dan calon gagal memberi sebarang huraian. Ini menunjukkan kegagalan untuk menguasai fakta berkaitan tajuk ini atau kemahiran yang kurang dalam menjawab soalan dengan baik.

Soalan 4(a)(i) dan 4(a)(ii)

4 (a) Maklumat di bawah menunjukkan satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.

- Kadar pengangguran tinggi
- Lambakan stok barang niaga dalam pasaran

Bagaimanakah bank pusat mengawal keadaan ketidakstabilan ekonomi tersebut melalui:

- (i) kadar rizab berkanun
- (ii) syarat sewa beli

Calon perlu mengenal pasti keadaan ketidakstabilan ekonomi dan cara bank pusat mengawal keadaan tersebut.

4.(a)
(i)
menurunkan kadar rizab berkanun
- penawaran wang dalam pasaran akan meningkat
- kuasa beli masyarakat bertambah
- permintaan terhadap barangan akan meningkat
(ii)
melonggarkan syarat sewa beli
- penawaran wang dalam pasaran akan meningkat
- kuasa beli masyarakat bertambah
- permintaan terhadap barangan akan meningkat

Huraian yang dikemukakan tepat dan mencukupi. Calon berupaya menjelaskan cara bank pusat mengawal ketidakstabilan ekonomi melalui kadar rizab berkanun dan syarat sewa beli. Contoh **menurunkan kadar rizab berkanun** menyebabkan kuasa beli masyarakat meningkat.

ii)	syarat sewa beli
▷	bank pusat akan mengetatkan lagi syarat sewa beli untuk mengatasi inflasi.

Keadaan ketidakstabilan ekonomi yang dinyatakan tidak tepat menyebabkan jawapan yang diberi terpesong. Contohnya, bank pusat menaikkan kadar rizab berkanun untuk mengatasi

inflasi adalah salah. Jawapan sepatutnya ialah menurunkan kadar rizab berkanun untuk mengatasi kemelesetan ekonomi.

Soalan 4(b)(i) dan 4(b)(ii)

(b) Jelaskan institusi kewangan bukan bank berikut:

- (i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- (ii) Lembaga Tabung Haji

Soalan menguji pemahaman calon berkaitan dengan konsep institusi kewangan bukan bank iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Tabung Haji.

(KWSP)

b) i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, menyediakan keselamatan dan kebajikan sosial bagi ahli-ahlinya pada hars persaraan ahli-ahlinya. Pencarum ialah individu yang berumur lebih daripada 16 tahun yang menenma gaji. Terdapat akaun untuk pelaburan, aka akaun untuk perubatan dan akaun untuk persaraan. Pencarum boleh mengeluarkan wang yang dicarumkan pada umur 55 tahun atau menghadapi koma, bermastautin di luar negara dan meninggal dunia. Pencarum boleh mengeluarkan $\frac{1}{3}$ wang dicarumkan pada umur 50 tahun. KWSP sumber pinjaman terbesar untuk kerajaan.

ii) Lembaga Tabung Haji membantu bakal haji untuk menyimpan sim wang ~~sem~~ sedikit demi sedikit untuk menunaikan fardu haji. Lembaga Tabung Haji juga memberi peluang kepada orang untuk membuat pelaburan dalam bidang perindustrian secara ~~harta~~ halal. Lembaga Tabung Haji menyediakan kemudahan tempat tinggal dan kebajikan untuk haji apabila menunaikan fardu

Huraian yang diberi ringkas, padat dan tepat berkaitan kedua-dua institusi kewangan bukan bank tersebut.

ii)	Lembaga Tabung Haji khas untuk umat Islam. Ia bertujuan
	untuk mengedaiakan perbelanjaan umat Islam yang ingin
	menunaikan Haji di Makkah.

Jawapan tidak menepati konsep institusi kewangan bukan bank. Huraian yang diberi tidak mencukupi dan contoh hanya menjelaskan satu fungsi Lembaga Tabung Haji iaitu berkaitan ibadat haji.

Soalan 4(c)

- (c) Jadual 3 berkaitan dengan belanjawan negara yang diumumkan oleh kerajaan pada suatu tahun.

Item	Jumlah (RM Juta)
Sumber Hasil Kerajaan	
Cukai langsung	70 000
Cukai tak langsung	35 000
Hasil bukan cukai	15 000
Perbelanjaan Kerajaan	
Perbelanjaan mengurus	90 000
Perbelanjaan pembangunan	45 000

Jadual 3

Apakah jenis belanjawan yang telah diumumkan oleh kerajaan?
Buktikan jawapan anda.

Soalan berbentuk menganalisis jadual yang memerlukan calon mengenalpasti jenis belanjawan kerajaan berdasarkan maklumat dalam jadual yang diberi. Calon perlu menggunakan maklumat tersebut bagi menyokong keputusannya.

4. (c)

Belanjawan kurangan
Jumlah perbelanjaan kerajaan melebihi sumber hasil kerajaan iaitu melebihi - RM 15 000 juta (RM 100 000 juta - RM 135 000 juta)
Kerajaan terpaksa membuat pinjaman kekurangan sumber hasil kerajaan

Keputusan berkaitan jenis belanjawan adalah tepat dan disokong dengan hasil pengiraan yang betul daripada maklumat yang diberi. Contoh **belanjawan kurangan** ialah -RM15 000 juta.

c) Jenis belanjawan yang diumumkan kerajaan :
- perbelanjaan mengurus : perbelanjaan dari semasa ke semasa untuk sosial kebijaksanaan masyarakat .
- perbelanjaan pembangunan : perbelanjaan untuk pembangunan dan modal sesebuah negara seperti keselamatan dan pentadbiran an

Calon tidak memahami konsep belanjawan negara menyebabkan calon menyatakan jenis perbelanjaan kerajaan sebagai belanjawan negara. Contoh menyatakan **perbelanjaan mengurus** dan **perbelanjaan pembangunan** merupakan belanjawan negara.

Soalan 4(d)

(d) Bezakan antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan kerajaan.

Bahagian (d) ini menguji kemahiran membanding beza antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan.

Perbezaan antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan kerajaan	
Perbelanjaan mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
Perbelanjaan yang tidak boleh ditanggung	Perbelanjaan yang boleh ditanggung
Bersifat berulang-ulang	Tidak bersifat berulang - ulang
Perbelanjaan agar pengurusan dan pentadbiran kerajaan berjalan lancar	dapat meningkat pengeluaran barangan untuk menjaga kebajikan rakyat
Perbelanjaan semasa yang ditanggung oleh kerajaan pada setiap bulan	pelaburan kerajaan dalam projek-projek pembangunan ekonomi negara
contoh emolument, pencen dan ganjaran, bayaran khidmat hutang.	Contoh : sektor perkhidmatan sosial, sektor perkhidmatan ekonomi, pentadbiran am

Jawapan yang diberi tepat dan mampu memberi lebih daripada yang dikehendaki. Ini menunjukkan calon berjaya memahami kehendak soalan serta menguasai konsep yang diperlukan bagi menjawab soalan ini.

d)	Perbelanjaan mengurus	Perbelanjaan pembangunan
	- Pencen dan ganjaran	- Perkhidmatan Ekonomi
	- Pembayaran gaji kakitangan kerajaan	- Ekonomi Perkhidmatan Sosial
	- Emolument	- keselamatan
	-	- Pentadbiran am

Jawapan yang diberi tidak mencukupi. Hanya fokus kepada satu aspek perbezaan sahaja iaitu contoh perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan.

Soalan 5(a)

5 (a) Terangkan **tiga** komposisi import barang tak nampak Malaysia.

Soalan meminta fakta dan huraian bagi tiga jenis komposisi barang tak nampak negara Malaysia.

(a)	Pengangkutan Contohnya, Malaysia mengeksport minyak kelapa sawit ke negara lain dengan menggunakan kapal terbang Amerika Syarikat.
	Perjalanan - Sebagai contoh, penduduk Malaysia melawat ke luar negara, seperti China ataupun melanjutkan pelajaran ke luar negara.
	Urus niaga kerajaan - Sebagai contoh, pelancong Malaysia menggunakan perkhidmatan kedutaan negara Jepun apabila melancong ke Jepun.

Calon mampu memberikan fakta dengan tepat dan mencukupi serta berjaya memberi contoh yang relevan bagi setiap fakta.

a)
- Urus niaga kerajaan
Perjalanan
- pengangkutan dan kos insurans

Fakta yang diberi tidak disokong dengan huraian atau contoh disebabkan penguasaan konsep yang kurang mantap.

Barang pengguna
- barang siap yang boleh terus digunakan.
Barang pelaburan
- barang untuk mendapat modal.
Barang ^{perantaraan} import untuk dieksport semula
barang yang siap atau sebahagian siap untuk dikeluarkan
- barang import dari luar negara dan dieksport di pasaran tempatan.

Jawapan menunjukkan calon tidak menguasai konsep barang tak nampak kerana kegagalan mengaplikasikan konsep dengan betul. Pernyataan yang diberi adalah berkaitan fakta barang nampak.

Nombor Soalan: 5
a) import barang nampak naik Export barang nampak turun
import barang tak nampak turun import barang nampak turun.
import barang tak nampak naik import barang nampak naik.

Jawapan umum dan tidak relevan sebagai contoh hubungan eksport dan import barang nampak. Ini menyebabkan jawapan tidak diterima.

Soalan 5(b)(i) dan 5(b)(ii)

- (b) Jadual 4 menunjukkan nilai eksport dan nilai import Malaysia bagi tempoh enam bulan pada suatu tahun.

Butir	Jumlah (RM Juta)
Eksport barang perkilangan	222 031
Eksport komoditi utama	17 250
Import barang penggunaan	64 563
Import barang perantaraan	15 563

Jadual 4

- (i) Hitung imbangan dagangan dalam RM juta.
(ii) Tafsirkan kedudukan imbangan dagangan di 5(b)(i).

Calon perlu menunjukkan jalan kerja dan jawapan imbangan dagangan berdasarkan maklumat yang diberi bagi soalan 5(b)(i). Soalan 5(b)(ii) pula memerlukan calon mentafsir angka yang diperolehi dari 5(b)(i) untuk mengenal pasti jenis imbangan dagangan.

(b) i.) Eksport barang nampak - import barang nampak
$= \text{RM } 222\,031 + 17\,250 \text{ juta} - \text{RM } (64\,563 + 15\,563) \text{ juta}$
$= \text{RM } 159\,155 \text{ juta}$
ii.) Imbangan dagangan lebih. Ini kerana nilai eksport barang nampak melebihi nilai import barang nampak.

Jawapan calon bagi soalan 5(b)(i) menunjukkan penguasaan kemahiran menghitung. Calon berjaya menunjukkan jalan kerja dan memberi jawapan yang tepat. Bagi soalan 5(b)(ii) pula persembahan jawapan, calon berjaya mengenal pasti jenis imbangan dagangan yang betul dan disokong dengan huraian dan tafsiran yang tepat.

(b)(i)	$222\ 031 + 17\ 250 - 64\ 563 + 15\ 563$
	$= 239\ 281 - 80\ 126$
	$= 159\ 155$

(i) • Imbangan dagangan Malaysia ialah imbangan dagangan positif
 • Eksport barang nampak melebihi import barang nampak.

Jawapan yang diberi bagi 5(b)(i) tidak lengkap kerana tiada unit RM dan juta. Bagi soalan 5(b)(ii), jawapan yang diberikan juga tidak lengkap di mana tiada perkataan 'nilai' eksport nampak melebihi 'nilai' import nampak.

(b)	
i)	tiada imbangan dagangan dalam RM juta. $RM(222\ 031 + 17\ 250)$ $= RM\ 239\ 281$

(ii) Eksport adalah melebihi import.

Soalan 5(b)(i) pula calon tidak menguasai rumus. Hal ini dibuktikan dengan jawapan yang menggunakan rumus yang salah. Contohnya calon hanya mengambil butiran eksport barang perkilangan dan eksport komoditi utama sahaja (RM222 031 + RM17 250). Bagi soalan 5(b)(ii) tiada penguasaan konsep tentang jenis imbangan dagangan. Huraian yang diberikan adalah umum dan tidak relevan.

Soalan 5(c)

- (c) Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Dolar Singapura (S\$) berbanding Ringgit Malaysia (RM) pada suatu tahun.

$$\text{S\$1.00} = \text{RM2.20}$$

Bagaimanakah kadar pertukaran tersebut ditentukan?

Bahagian ini memerlukan pengetahuan mengenai proses menentukan kadar pertukaran asing antara Dolar Singapura (S\$) berbanding Ringgit Malaysia (RM). Jawapan calon meliputi lebih permintaan, lebih penawaran dan keseimbangan kadar pertukaran asing.

(c) • Kadar pertukaran tersebut ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran.
• Apabila Malaysia mengeksport barang ke Singapura.
- permintaan Ringgit Malaysia (RM) meningkat
- Penawaran RM tetap
- wujudnya lebih permintaan RM
- kadar pertukaran RM akan meningkat.
• Apabila Malaysia mengimport barang dari Singapura.
- Penawaran RM meningkat
- permintaan RM tetap.
- wujud lebih penawaran RM.
- kadar pertukaran RM akan merendah.

Contoh jawapan ini menjelaskan cara kadar pertukaran antara Dolar Singapura (S\$) dengan Ringgit Malaysia (RM) ditentukan. Contoh permintaan RM melebihi penawaran RM dan penawaran RM melebihi permintaan RM.

d) Jika nilai Ringgit Malaysia menurun

Jumlah barang import menurun kerana harga meningkat.

Jumlah barang eksport meningkat kerana harga menurun.

Imbangan dagangan bertambah baik.

Jika nilai Ringgit Malaysia meningkat

Jumlah barang import meningkat kerana harga menurun.

Jumlah barang eksport menurun kerana harga meningkat.

Imbangan dagangan bertambah buruk.

Jawapan terpesong kerana calon terkeliru antara kesan perubahan kadar pertukaran asing terhadap eksport dan import dengan kesan perubahan eksport dan import terhadap kadar pertukaran asing. Contoh diberikan menyatakan jumlah barang import menurun menyebabkan imbangan dagangan bertambah baik.

Soalan 5(d)(i) dan 5(d)(ii)

(d) Gambar 2 menunjukkan perbualan tentang masalah perdagangan antarabangsa.



Gambar 2

- (i) Terangkan **dua** cara kerajaan dapat mengatasi masalah di atas.
- (ii) Jelaskan **tiga** kesan terhadap pengeluar pakaian tempatan jika masalah tersebut tidak diatasi segera.

Soalan memerlukan kemahiran menganalisis perbualan berkaitan dengan sekatan dalam perdagangan antarabangsa. Calon perlu mengenal pasti jenis sekatan perdagangan antarabangsa yang sesuai untuk mengatasi masalah yang terdapat dalam situasi tersebut. Seterusnya, mereka perlu menganalisis kesan daripada tindakan tersebut terhadap pengeluar.

d) Cara yang pertama ialah mengenakan tarif terhadap barang import. Harga barang import akan meningkat dan kesannya permintaan terhadap barang import berkurang.

Cara yang kedua ialah mengenakan kuota. Bilangan barang import akan terhad dan kesannya penawaran barang import berkurang.

Cara yang ketiga ialah sekatan bukan ekonomi. Kerajaan menetapkan peraturan atau undang-undang untuk mengimport barang dan kesannya penawaran barang import berkurang.

Bagi soalan 5(d)(i), calon mampu memberi dua jenis sekatan yang sesuai dengan situasi yang diberi. Fakta dan huraian tepat dan mencukupi. Contoh mengenakan **tarif**, disokong dengan huraian harga import meningkat dan permintaan import berkurang.

i) cukai import.

Pihak kerajaan boleh mengenakan cukai import terhadap barang import bagi mengurangkan permintaan import.

Subsidi:

Pihak kerajaan boleh memberikan subsidi bagi meminimumkan kos pengeluaran.

Anti-lambakan.

Mengadakan tempen bagi membantah tindakan ini.

Jawapan ini mengemukakan hanya satu jenis sekatan yang betul. Contoh cukai import disokong dengan huraian mengurangkan permintaan import.

ii) Kesan terhadap pengeluaran pakaian tempatan ialah permintaan terhadap barang tempatan meningkat. Selain itu, pengeluaran pakaian juga berdaya saing dengan firma asing. Pelaburan juga akan bertambah. Pengeluar tempatan juga harus meningkatkan kecekapan pengeluaran untuk menghasilkan lebih banyak barang.

Jawapan bagi soalan 5(d)(ii), calon hanya menyatakan dua huraian yang dinyatakan tepat tetapi tidak mencukupi berdasarkan kehendak soalan. Contohnya pengeluaran pakaian berdaya saing dan kecekapan pengeluaran meningkat.

Soalan 6

- 6 Encik Munir adalah seorang pegawai kerajaan yang menerima gaji bulanan sebanyak RM4 050.18. Namun begitu sikapnya yang boros berbelanja menyebabkan dia menghadapi masalah kekurangan wang untuk menampung perbelanjaan harian keluarganya. Oleh itu, dia terpaksa berhutang dengan rakan-rakan.

Sebagai penjawat awam, Encik Munir turut mendapat kenaikan gaji sebanyak 15 % setelah kerajaan membuat keputusan untuk menghargai jasa dan sumbangan kakitangan awam dalam perkhidmatan. Isterinya, Puan Waheeda mengambil peluang ini menasihati suaminya agar berubah sikap dan merancang semula perbelanjaan keluarga mereka. Pada masa yang sama Puan Waheeda mengambil keputusan untuk bekerja bagi membantu meringankan bebanan tanggungan suaminya. Dia memulakan perniagaan bakeri secara kecil-kecilan di rumah.

Pada peringkat awal perniagaan bakeri yang diusahakan Puan Waheeda kurang mendapat sambutan. Oleh itu dia menjalankan promosi secara besar-besaran kepada penduduk setempat dan berjaya meningkatkan jualan produknya. Sambutan yang menggalakkan ini mendorong Puan Waheeda untuk membeli bangunan kedai berharga RM280 000 melalui kemudahan pembiayaan berlandaskan konsep Bai Bithaman Ajil untuk dijadikan tapak baharu perniagaannya.

Perniagaannya yang pesat berkembang menyebabkan Puan Waheeda menjadi terlalu sibuk dan kesuntukan masa untuk menguruskan keluarganya. Dia juga menghadapi masalah mendapatkan pekerja mahir untuk bekerja di kedainya. Dia berasa tertekan lalu mencadangkan kepada suaminya agar berhenti kerja dan membantunya sepenuh masa untuk mengusahakan perniagaan bakeri mereka.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan berikut:

- (a) (i) Apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh Encik Munir agar masalah tersebut tidak berulang?
- (ii) Jelaskan **lima** kepentingan tindakan di 6(a)(i).
- (b) Jelaskan **empat** kesan perubahan gaji terhadap Encik Munir.
- (c) Huraikan sektor ekonomi yang diceburi oleh Puan Waheeda.
- (d) Terangkan faktor yang menyebabkan perubahan permintaan terhadap produk perniagaan Puan Waheeda.
- (e) Adakah anda bersetuju dengan kemudahan pembiayaan yang dipilih oleh Puan Waheeda?
Beri **tiga** alasan.
- (f) Wajarkah Encik Munir bersetuju dengan cadangan isterinya?
Kemukakan **lima** alasan.

Soalan 6(a)(i) dan 6(a)(ii)

(a) (i) Apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh Encik Munir agar masalah tersebut tidak berulang?

(ii) Jelaskan **lima** kepentingan tindakan di 6(a)(i).

Bahagian ini memerlukan calon untuk membuat keputusan berkaitan kewajaran tindakan yang dilakukan oleh Encik Munir bagi soalan 6(a)(i). Manakala 6(a)(ii) memerlukan calon menganalisis lima kepentingan tindakan Encik Munir tersebut.

(a) (i) merancang Belanjawan Peribadi
(ii) - Belanjawan peribadi membantu mendahulukan barang dan perkhidmatan yang penting serta mengelakkan pembaziran
- membantu Encik Munir menabung
- membantu Encik Murnir mengelakkan hutang
- membantu menyelarakan anggaran perbelanjaan mengikut anggaran pendapatan boleh guna
- Belanjawan peribadi juga dapat mengawal kenaikan harga barang iaitu inflasi

Bagi soalan 6(a)(i), calon dapat membuat keputusan dengan tepat berbanding soalan 6(a)(ii) di mana huraian yang dikemukakan tepat dan melebihi daripada yang dikehendaki. Contoh mendahulukan barang dan perkhidmatan yang penting, mengelakkan pembaziran dan menabung.

Nombor Soalan: Bahagian B (soalan 6)

6ai) Tindakan yang wajar dilakukan oleh Encik Munsir agar masalah tersebut tidak berulang ialah membuat rancangan perbelanjaan dan bersikap menabung.

ii- tidak akan berhutang

- ~~tidak dapat~~ dapat menampung perbelanjaan harian keluarga tanpa sebarang masalah
- tidak dipandang rendah oleh masyarakat
- dengan berjimat cermat, kita dapat lebih wang
- wang itu dapat dimasukkan dalam tabungon
- melalui tabungan pulangan adalah tetap dan dapat memotivasi fiedah

Keputusan yang dibuat adalah tepat tetapi huraian berkaitan kepentingan belanjawan peribadi masih betul tetapi tidak mencukupi. Contoh; terdapat enam huraian kepentingan diberi tetapi hanya tiga sahaja yang betul seperti **tidak akan berhutang**, **berjimat cermat** dan **tabungan**. Huraian yang terpesong berlaku kerana menjelaskan kepentingan menabung dan bukannya kepentingan belanjawan peribadi.

Soalan 6(b)

(b) Jelaskan **empat** kesan perubahan gaji terhadap Encik Munir.

Soalan memerlukan calon menganalisis kesan perubahan gaji.

b) Kesan perubahan gaji terhadap Encik Munir ialah
~ Kuasa belinya akan meningkat
~ Taraf hidupnya meningkat
~ Mendorong nafsu Encik Munir untuk membuat lebih banyak perbelanjaan
~ Membdehkan Encik Munir membuat pekburan.
~ Membdehkan Encik Munir membuat tabungan.
~ Membdehkan Encik Munir membayar balik hutangnya.

Kesan kenaikan gaji telah dapat dianalisis dengan tepat dan mencukupi. Contoh berupaya menyatakan **empat** kesan iaitu kuasa beli meningkat, taraf hidup meningkat, dapat membuat tabungan dan membayar balik hutang.

3) • Dia akan bertambah boros jika tidak mengubah sikapnya
• Hutang-hutangnya dapat diselesaikan.
• Duit simpanan akan bertambah
• Masalahnya dapat diselesaikan

Analisis yang diberi adalah terhad. Contoh hanya menyatakan **dua** kesan iaitu hutang dapat diselesaikan dan simpanan bertambah.

(b) kesan perubahan gaji terhadap Encik Munir :
- kekurangan pendapatan wang perbelanjaan
- sukar untuk membeli barang keperluan
- sukar untuk membayar hutang sekiranya ada
- sukar untuk membayar bil-bil rumah

Jawapan hanya berdasarkan logik akal tanpa menganalisis kesan perubahan gaji.

Soalan 6(d)

(d) Terangkan faktor yang menyebabkan perubahan permintaan terhadap produk perniagaan Puan Waheeda.

Soalan memerlukan calon menyatakan satu fakta penentu permintaan dan disokong oleh satu huraian yang bersesuaian dengan situasi yang diberi.

d) Faktor yang menyebabkan perubahan permintaan terhadap produk perniagaan Puan Waheeda ialah
~ Cita rasa pengguna
~ Peningkatan harga barang pengganti
~ Peningkatan pendapatan pengguna
~ Penurunan cukai pendapatan perseorangan oleh kerajaan.

Calon mampu mengemukakan fakta dan huraian dengan tepat serta melebihi daripada kehendak soalan. Contoh fakta **pendapatan pengguna** yang disokong dengan huraian 'peningkatan'.

d) faktor minat. Promosi yang besar menjadi lebih orang berminat kepada produk perniagaan Puan Waheeda.

Fakta yang dikemukakan adalah salah seperti **minat** manakala huraian yang diberi adalah betul seperti promosi yang besar.

Soalan 6(e)

- (e) Adakah anda bersetuju dengan kemudahan pembiayaan yang dipilih oleh Puan Waheeda?
Beri tiga alasan.

Calon perlu membuat keputusan sama ada setuju atau tidak menggunakan kemudahan pembiayaan berlandaskan konsep Bai Bithaman Ajil untuk membeli bangunan kedai. Alasan juga perlu diberi berdasarkan kepada keputusan tersebut.

e) setuju .
- Bai Bithaman Ajil menyediakan pinjaman untuk kemudahan perniagaan .
- membolehkan peminjam membayar secara ansuran pada setiap bulan .
- Bai Bithaman Ajil disediakan oleh Bank Islam yang dijamin oleh kerajaan .
- tiada kadar faedah yang dikenakan .

Pendirian yang diberikan tepat dan disokong dengan alasan berkaitan dengan kebaikan kemudahan pembiayaan yang dipilih.

e) Tidak bersetuju kerana harga bangunan kedai terlalu mahal dan dia telah melandaskan konsep Bai Bithaman Ajil untuk dijadikan tapak baharu perniagaannya. Seterusnya, Puan Waheeda bermula perniagaannya tidak lama lagi.

Calon memberi alasan yang tidak relevan dengan pendirian yang dipilih. Contohnya "harga bangunan kedai mahal".

e. Setuju. Ini kerana Puan Waheeda tidak perlu membayar semua bayaran pada masa yang sama. Ini juga boleh meringankan beban Puan Waheeda.

Jawapan di atas hanya mengemukakan satu alasan yang popular sahaja iaitu tidak perlu membayar pada masa yang sama. Jawapan ini tidak mencukupi untuk dikategorikan sebagai jawapan yang baik.

Soalan 6(f)

- (f) Wajarkah Encik Munir bersetuju dengan cadangan isterinya?
Kemukakan lima alasan.

Calon perlu membuat keputusan sama ada Enik Munir wajar atau tidak berhenti kerja. Calon juga diminta memberi justifikasi terhadap keputusan tersebut berdasarkan kebaikan **bekerja sendiri** atau **bekerja dengan orang lain**.

6)(f)-Wajar.

- Isterinya kekurangan penerja mahir.
- dapat menjalankan perniagaan sendiri untuk mendapat keuntungan.
- Waktu ~~bert~~ bekerja tidak terikat.
- boleh membuat keputusan sendiri.
- memperoleh pengalaman baru.
- mengurangkan ^(tekanan) beban isterinya.
- meningkatkan daya pengeluaran.
- sanggup menanggung risiko yang tinggi.

Calon berjaya memberi alasan yang menyokong pendirian tersebut. Jawapan lengkap dan terperinci dengan memberi kelebihan bekerja sendiri serta fakta yang mencukupi.

f) Ya, kerana dapat ~~meny~~ mengembangkan perniagaan. Selain itu, dapat meluaskan pasaran ke luar negara.

Alasan yang diberikan oleh calon tidak berdasarkan kepada konsep ekonomi iaitu kelebihan **bekerja sendiri** atau **bekerja dengan orang lain**. Jawapan menunjukkan alasan yang umum dan tidak relevan. Contohnya “untuk mengembangkan perniagaan”.

f) wajar Encik Munir hendaklah membantu isteri kerana isterinya berasa tertekan dan terlalu sibuk hingga tiada masa untuk menguruskan keluarga.

Calon memberi alasan berkaitan keharmonian rumah tangga sahaja. Contohnya “Encik Munir hendaklah membantu isteri”. Ini merupakan contoh jawapan yang tidak lengkap.

SARANAN KEPADA CALON

1. Perlu menguasai konsep, istilah dan fakta ekonomi dengan tepat.
2. Semua tajuk perlu dipelajari dan diberi perhatian yang sama kerana kebanyakan soalan ada kaitan antara satu tajuk dengan tajuk yang lain.
3. Guna buku teks yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai bahan rujukan utama.
4. Biasakan diri merangka jawapan agar fakta dan huraian cukup serta tidak mengulangi fakta/huraian yang sama.
5. Jawab kedua-dua Bahagian, Bahagian A (3 soalan) dan satu soalan wajib di Bahagian B. Gunakan peruntukan markah bagi setiap ceraiian soalan sebagai panduan bagi menentukan jumlah fakta yang sepatutnya diberi dalam jawapan.
6. Jawapan perlu dikaitkan dengan bahan rangsangan yang diberi dalam soalan. Elakkan jawapan secara umum.
7. Gunakan laras bahasa/istilah ekonomi yang tepat.
8. Bagi soalan pengiraan, tulis rumus yang berkenaan, tunjukkan cara pengiraan dan beri jawapan yang tepat. Nyatakan 'unit' yang berkenaan dalam jawapan.
9. Perbanyakkan latihan sendiri terutamanya soalan-soalan SPM tahun-tahun lepas agar lebih terdedah dengan aras soalan peringkat SPM terutamanya soalan berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi seperti mengaplikasi, membuat keputusan, menganalisis, menilai dan mencipta.
10. Perlu pembacaan yang luas tentang isu-isu ekonomi semasa peringkat negara atau global melalui media cetak atau elektronik agar mendapat pendedahan yang secukupnya tentang perkembangan dunia ekonomi dan kaitkan dengan teori ekonomi yang dipelajari.
11. Perlu memilih soalan dengan bijak untuk mendapat markah yang tinggi.
12. Mulakan ulangkaji semasa di Tingkatan 4 dan pastikan dapat menguasai sukatan pelajaran Tingkatan 4 sebelum memulakan pembelajaran di Tingkatan 5. Elakkan amalan mengulangkaji pada saat-saat akhir menjelang peperiksaan SPM.
13. Fahami tugas soalan sebelum menjawab. Jawab "apa yang ditanya" dan bukannya "apa yang saya tahu" atau mengikut pemikiran logik sahaja.
14. Sentiasa peka kepada isu-isu ekonomi semasa sama ada dalam negeri maupun antarabangsa.

SARANAN KEPADA GURU

1. Pastikan setiap pelajar menguasai konsep, istilah, teori, rumus dan laras bahasa ekonomi.
2. Pelbagaikan kaedah PdP dan gunakan BBM yang sesuai, berkesan dan terkini bagi menarik minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran guru.
3. Beri pendedahan awal dan latihan berterusan kepada pelajar bentuk-bentuk soalan SPM terkini bermula semasa di Tingkatan 4 agar pelajar biasa dengan soalan yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan menjawab berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Ingatkan pelajar supaya menjawab 3 soalan dari Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.
4. Wujudkan pembelajaran kontekstual yang mampu memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mendekati diri dengan pengalaman sebenar yang berlaku di persekitaran mereka kerana ini dapat membantu penguasaan konsep, menjana ide dan percambahan minda pelajar.
5. Pastikan pelajar melukis rajah / keluk dengan cara yang betul tanpa mengabaikan label yang perlu ada dalam rajah / keluk tersebut seperti titik origin, skala dan unit pada paksi. Latih tubi dipergiatkan agar pelajar menguasai kemahiran melukis keluk.
6. Sentiasa mengajar tajuk yang berkaitan pengiraan dengan menggunakan langkah-langkah yang sistematik seperti menulis rumus, menunjukkan cara pengiraan yang teratur, memberi jawapan yang tepat dan jelas serta menulis 'unit'.
7. Bimbing pelajar menghasilkan jawapan tepat dan padat tanpa meleret-leret. Lakukan pemeriksaan latihan secara tekal dan berterusan agar kelemahan dan kesilapan dapat diminimumkan.
8. Guru perlu membina soalan yang setanding dengan soalan SPM agar pelajar lebih bersedia dengan soalan SPM yang sebenar.
9. Memotivasi dan membimbing pelajar cara belajar yang berkesan agar daya ingatan dan kefahaman pelajar lebih mantap.
10. Pastikan pelajar menguasai sukatan pelajaran Ekonomi Asas secara menyeluruh dan bukannya memilih topik tertentu sahaja.